



**MURNIZAM** (lima kiri) bersama pemain kontinjen 1KAL yang akan menyertai Sukan Staf UMS 2017.

## Kontinjen UMS Labuan sertai enam acara

UB 5.4.17 B14

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menyertai enam acara di Kejohanan Sukan Staf UMS Ke-16 2017 pada 7-9 April ini di UMS Kampus Induk di Kota Kinabalu.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, enam acara itu ialah bola tampar lelaki dan wanita, badminton, sepak takraw, ping pong dan larian 8 x 1 kilometer.

Walaupun tidak menasarkankan sebarang pingat, beliau berharap staf yang dipilih akan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi bukan sahaja untuk menyaingi tujuh lagi pasukan lain tetapi juga menjaga imej pasukan.



**MURNIZAM** (kiri) menyerahkan bendera 1KAL kepada Pegawai Belia dan Sukan Kanan Gabriel Moinjil. Turut kelihatan Dr Geoffrey (dua kanan) dan Zamri (dua kiri).

Oleh itu, Dr Murnizam menasihatkan semua pegawai dan pemain supaya sentiasa menjaga nama baik pasukan

1KAL sebelum, semasa dan selepas bertanding.

“Kita kena tunjukkan semangat melawan sambil

tidak melupakan semangat kesukanan ketika beraksi di gelanggang,”katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan bendera 1KAL kepada Pegawai Belia dan Sukan Kanan, Gabriel Moinjil di Kesumba Lounge, Aras 11, Bangunan Menara, kelmarin.

Dr Murnizam juga meminta semua pemain dan pegawai supaya sentiasa memberikan sokongan moral kepada rakan-rakan lain yang sedang bertanding.

Majlis itu turut disaksikan Timbalan Pengarah Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohammad Tuah.

Hadir sama pengurus-pengurus pasukan dan 43 pemain 1KAL.